

## **PENJANAAN KEMAHIRAN BELAJAR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH MELALUI *DOCUMENT BASED LESSONS***

*(Enhancing Learning Skills on History Teaching and Learning through Document Based Lessons)*

M. Kaviza

### **ABSTRAK**

Kajian tinjauan secara deskriptif ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran belajar murid dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons*. Seramai 55 orang murid Tingkatan Empat yang dipilih melalui teknik persampelan bertujuan merupakan sampel kajian ini. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik kemahiran belajar yang diadaptasi dan telah disahkan oleh pakar penilai serta mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran belajar dalam kalangan murid secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi, di samping keenam-enam jenis kemahiran belajar iaitu kemahiran membaca, kemahiran menulis nota, kemahiran menguruskan masa, kemahiran mendengar, kemahiran membuat rujukan dan kemahiran menghadapi peperiksaan juga berada pada tahap tinggi. Implikasi kajian ini telah mencadangkan kepada guru-guru sejarah untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons* kerana didapati dapat meningkatkan pembentukan kemahiran belajar yang lebih baik yang memberi impak positif kepada peningkatan minat belajar sejarah dan pencapaian sejarah dalam kalangan murid.

**Kata Kunci:** Kemahiran belajar, *Document Based Lessons*, mata pelajaran sejarah

### **ABSTRACT**

This descriptive survey study aims to identify the level of learning skills in history learning and teaching through Document Based Lessons among students. A total of 55 form four students who were selected through purposive sampling technique involved in this study. The adapted learning skills questionnaire which has validated by the expert and has a good reliability values are instruments in this study. The findings indicated that level of learning skills at high level, as well all construct such as reading skills, writing skills, time management skills, listening skills, referencing skills and taking examinations skills also at high levels among students. The implications of this study suggested to history teachers to carry out the history teaching and learning process through Document Based Lessons because it's are effective for developing the good learning skills practices which have a positive impact on improving the motivation and achievement among students.

**Keywords:** Learning skills, Document Based Lessons, history subject

## PENGENALAN

Proses pengajaran dan pembelajaran sejarah bukan hanya melibatkan aspek penambahan maklumat dan mengingat semula maklumat tersebut, malah ianya melibatkan proses memahami dan mengaplikasi maklumat-maklumat yang dipelajari ke dalam konteks pembelajaran yang lain dengan menguasai kemahiran belajar yang khusus untuk mendapatkan maklumat tersebut (Baharin Abu, Othman Md Johan, Mohd Syed Syed Mansor & Haliza Jaffar, 2007; Ayva, 2012). Hal ini kerana dalam proses pembentukan modal insan yang disarankan dalam kurikulum sejarah memerlukan murid-murid sentiasa mengamalkan kemahiran belajar yang betul sebagai langkah persiapan dalam proses pembelajaran sepanjang hayat melalui pelaksanaan kaedah pengajaran yang berkesan (Gewertz, 2012; Khalid Mohamad Noor, 2005). Sehubungan dengan itu, *Document Based Lessons* merupakan pembelajaran sejarah yang berasaskan kepada aktiviti analisis sumber-sumber teks sejarah bagi menjana proses pemikiran dan pemahaman, di samping untuk meningkatkan kemahiran literasi dan minat belajar sejarah dalam kalangan murid (Fehn & Koeppean, 1998; Reisman, 2012; Nokes, 2014). Hal ini kerana suatu pentafsiran sejarah yang berkesan dapat dilakukan interpretasi dan penjelasan yang mendalam apabila murid-murid diberikan peluang untuk belajar dengan analisis bahan-bahan bukti sejarah, khususnya dikenali sebagai sumber-sumber sejarah. Menurut Hazri Jamil, (2002) dalam bukunya telah mendefinisikan sumber-sumber teks sejarah sebagai karya atau bahan bertulis yang memaparkan maklumat terperinci tentang sesuatu peristiwa atau perkara yang telah lepas. Menurut Hazri Jamil, (2002) lagi, sumber-sumber teks sejarah terdiri daripada sumber primer iaitu sumber yang berbentuk asli yang belum ditafsir, manakala sumber sekunder iaitu sumber yang telah ditafsir oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Antaranya, contoh-contoh sumber-sumber teks sejarah adalah seperti majalah, buku sejarah, risalah, surat khabar, statistik, bancian, diari dan sebagainya yang berbentuk bertulis yang dapat digunakan oleh murid untuk membaca, dan menganalisis sumber-sumber teks sejarah tersebut. Adalah diakui bahawa pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons* berkembang dengan meluas dalam sistem pendidikan sejarah di luar negara sejak kebelakangan ini apabila berlaku transformasi dalam kurikulum (Reisman, 2012).

Melalui proses transformasi ini, penekanan kepada literasi sejarah yang melibatkan pembentukan dan penjanaan kemahiran-kemahiran belajar tertentu adalah perlu. Hal ini disebabkan oleh ilmu sejarah yang melibatkan penggunaan sumber-sumber sejarah memerlukan murid-murid mempraktikkan kemahiran-kemahiran belajar tertentu bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah dapat dilaksanakan dengan berkesan (Claravall, 2017; Wineburg, Martin & Monte-Sano, 2011). Walaubagaimanapun, kemahiran belajar telah ditakrifkan oleh Mohd Yunus Noor, (1990) dalam bukunya *Psikologi Belajar dan Teknik Belajar Yang Berkesan* sebagai keupayaan dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran dengan lebih berkesan yang melibatkan kemahiran membaca, kemahiran menulis nota, kemahiran menguruskan masa, kemahiran mendengar, kemahiran membuat rujukan dan kemahiran menghadapi peperiksaan yang diperlukan oleh murid-murid. Selain itu, Baharin Abu, Othman Md Johan, Mohd Shafeq Syed Mansor dan Haliza Jaafar, (2007) telah memperincikan kemahiran belajar seperti berikut:

- (a) Kemahiran membaca merujuk kepada proses berfikir yang melibatkan perkara tersurat, tersirat, menghubungkan idea, menyoal dan bertindak balas dengan memberi idea dan mengaplikasikan maklumat baru ke dalam situasi baru

- (b) Kemahiran menulis nota merujuk kepada aktiviti pembelajaran yang melibatkan proses penyimpanan nota yang bersistematik untuk memudahkan diri sendiri semasa membuat ulangkaji pelajaran.
- (c) Kemahiran menguruskan masa merujuk kepada kepentingan murid membuat jadual waktu persendirian bagi mencatatkan aktiviti pembelajaran dan menguruskan masa mereka dengan optimum.
- (d) Kemahiran mendengar merujuk kepada aktiviti pembelajaran yang membolehkan murid menerima pelbagai maklumat dan pengetahuan
- (e) Kemahiran membuat rujukan merujuk kepada kemahiran yang membolehkan murid-murid mencari maklumat-maklumat yang diperlukan sama ada daripada perpustakaan mahupun daripada sumber-sumber yang lain sebagai maklumat tambahan.
- (f) Kemahiran menghadapi peperiksaan merujuk kepada keperluan murid-murid merancang dengan rapi persediaan mereka untuk membuat ulangkaji

Tidak dapat disangkal bahawa usaha untuk meningkatkan kemahiran belajar merupakan antara masalah yang dihadapi oleh murid-murid walaupun kaedah cara belajar telahpun disarankan dalam kurikulum sejarah yang dirujuk sebagai suatu proses untuk memperoleh teknik belajar sama ada bersama guru mahupun tanpa guru yang bertujuan untuk menyediakan murid-murid yang berupaya untuk belajar sendiri dengan menggunakan pengetahuan sedia ada, bersama rakan-rakan dan berbantuan bahan-bahan tertentu sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran, di samping membolehkan murid-murid untuk membuat refleksi dan menilai tahap pembelajaran sendiri serta mampu mengaplikasikan sesuatu pengetahuan dan kemahiran ke dalam situasi yang berlainan (PPK, 2015). Hal ini kerana dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah, penekanan haruslah diberikan terhadap perkembangan kemahiran belajar bagi meningkatkan kefahaman, pemikiran dan minat terhadap mata pelajaran sejarah bagi melahirkan murid-murid yang arif dalam peka sejarah serta mampu menyumbang kepada pembentukan masyarakat budaya saing pada masa hadapan (PPK, 2003; Dutt-Doner, 2015). Namun begitu, tahap kemahiran belajar telah dilaporkan masih berada pada tahap sederhana dalam kalangan murid (Salmiza Saleh & Afik Aziz, 2012; Nurahimah Mohd Yusoff, Rafizah Osman, Abdull Shukor Shaari & Mohd Izam Ghazali, 2012) walaupun guru-guru mendapati bahawa terdapat keperluan terhadap pemupukan kemahiran belajar yang betul dalam sistem pendidikan formal di dalam kelas. Oleh kerana *Document Based Lessons* merupakan salah satu strategi pengajaran dan pembelajaran sejarah, namun sejauh mana pemupukan kemahiran belajar dalam kalangan murid melalui *Document Based Lessons* masih belum diketahui lagi. Maka, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap kemahiran belajar bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons*. Soalan kajian ini ialah:

1. Apakah tahap kemahiran belajar bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document based Lessons*?
  - (a) Apakah tahap kemahiran membaca bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document based Lessons*?
  - (b) Apakah tahap kemahiran menulis nota bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons*?
  - (c) Apakah tahap kemahiran menguruskan masa bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons*?

- (d) Apakah tahap kemahiran mendengar bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons*?
- (e) Apakah tahap kemahiran membuat rujukan bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons*?
- (f) Apakah tahap kemahiran menghadapi peperiksaan bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons*?

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian tinjauan berbentuk deskriptif (Creswell, 2014) ini melibatkan 55 orang murid Tingkatan Empat yang dipilih melalui teknik persampelan bertujuan dari tiga buah kelas sedia ada di sebuah sekolah menengah harian di utara Semenanjung Malaysia. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik yang diadaptasi daripada soal selidik kemahiran belajar (Mohd Yunus Noor, 1990) yang digunakan untuk mengukur persepsi murid terhadap kemahiran belajar. Instrumen ini juga telah digunakan dengan meluas dalam kajian-kajian lepas seperti kajian Mohd najib Abdul Aziz dan Nor Shafrin Ahmad, (2008), kajian Salmiza Saleh dan Afik Aziz, (2012), kajian Bahrin Abu, Othman Md Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor dan Haliza Jaafar, (2007) yang telah dijustifikasikan pemilihannya oleh pengkaji dalam kajian ini. Instrumen tersebut telah disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam bidang pengajaran sejarah yang berpengalaman dan mempunyai nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* iaitu 0.98 yang dianggap baik dan diterima dalam kajian ini (Nunnally, 1978). Dalam kajian ini, pengkaji telah mereka bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons* bagi topik Tamadun Awal Manusia. Data kajian ini telah dianalisis secara deskriptif melalui perisian *IBM SPSS*. Interpretasi tahap kemahiran belajar dalam kajian ini dilakukan berdasarkan tiga tahap min yang diadaptasi daripada kajian Jamil Ahmad, (2002) ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Min dan Tahap Kemahiran Belajar

Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Jamil Ahmad, (2002)

## DAPATAN KAJIAN

***Soalan 1: Apakah tahap kemahiran belajar bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui Document based Lessons?***

Berdasarkan Jadual 2, tahap kemahiran belajar bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document based Lessons* berada pada tahap tinggi ( $M=3.96$ ,  $SD=0.60$ ). Oleh itu, tahap kemahiran belajar secara keseluruhannya adalah tinggi dalam kajian ini.

Jadual 2: Statistik Deskriptif bagi Kemahiran Belajar

Item	<i>M</i>	<i>SD</i>	Tahap
Kemahiran belajar	3.96	0.60	Tinggi

**Soalan 1(a): Apakah tahap kemahiran membaca bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui Document based Lessons?**

Berdasarkan Jadual 3, tahap kemahiran membaca bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document based Lessons* berada pada tahap tinggi ( $M=3.96$ ,  $SD=0.60$ ). Dari segi item dalam konstruk kemahiran membaca pula, min item “Saya membaca dengan suara yang kuat” adalah lebih tinggi ( $M=4.20$ ,  $SD=0.76$ ) berbanding dengan item “Saya memberikan tumpuan kepada isi penting semasa membaca” ( $M=4.18$ ,  $SD=1.05$ ), item “Saya membuat ulang kaji untuk bahagian yang tidak difahami” ( $M=4.11$ ,  $SD=0.90$ ), item “Saya mengambil masa yang panjang untuk memahami topik dalam buku” ( $M=3.98$ ,  $SD=0.76$ ), item “Saya menggerakkan bibir semasa membaca” ( $M=3.95$ ,  $SD=0.78$ ), item “Saya mengkaji setiap rangka topik dahulu sebelum saya mula membaca” ( $M=3.95$ ,  $SD=0.73$ ), item “Saya mengaitkan maklumat yang dibaca dengan pengetahuan sedia ada” ( $M=3.92$ ,  $SD=0.77$ ), item “Saya membaca perkataan demi perkataan” ( $M=3.87$ ,  $SD=0.82$ ), item “Saya mencari isi-isi penting semasa membaca” ( $M=3.87$ ,  $SD=0.79$ ) dan item “Selepas membaca, saya merumuskan isi topik dengan perkataan saya sendiri” ( $M=3.60$ ,  $SD=1.12$ ). Oleh itu, kesemua item dalam konstruk kemahiran membaca berada pada tahap tinggi kecuali bagi item “Selepas membaca, saya merumuskan isi topik dengan perkataan saya sendiri” yang berada pada tahap sederhana dalam kajian ini. Justeru, dapat disimpulkan bahawa tahap kemahiran membaca secara keseluruhannya adalah tinggi dalam kajian ini.

Jadual 3: Statistik Deskriptif bagi Kemahiran Membaca

Bil	Item	<i>M</i>	<i>SD</i>	Tahap
1	Saya membaca dengan suara yang kuat	4.20	0.76	Tinggi
2	Saya membaca perkataan demi perkataan	3.87	0.82	Tinggi
3	Saya mengambil masa yang panjang untuk memahami topik dalam buku	3.98	0.76	Tinggi
4	Saya mengaitkan maklumat yang dibaca dengan pengetahuan sedia ada	3.92	0.77	Tinggi
5	Saya mencari isi-isi penting semasa membaca	3.87	0.79	Tinggi
6	Saya menggerakkan bibir semasa membaca	3.95	0.78	Tinggi
7	Saya mengkaji setiap rangka topik dahulu sebelum saya mula membaca	3.95	0.73	Tinggi
8	Saya membuat ulang kaji untuk bahagian yang tidak difahami	4.11	0.90	Tinggi
9	Saya memberikan tumpuan kepada isi penting semasa membaca	4.18	1.05	Tinggi
10	Selepas membaca, saya merumuskan isi topik dengan perkataan saya sendiri	3.60	1.12	Sederhana
<b>Keseluruhan</b>		3.96	0.65	Tinggi

**Soalan 1(b): Apakah tahap kemahiran menulis nota bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui Document Based Lessons?**

Berdasarkan Jadual 4, tahap kemahiran menulis nota bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons* berada pada tahap tinggi ( $M=3.92$ ,  $SD=0.62$ ). Dari segi item dalam konstruk kemahiran menulis nota pula, min item “Saya menulis nota ringkas semasa membaca” ( $M=4.18$ ,  $SD=0.88$ ) adalah lebih tinggi berbanding dengan item “Saya menulis isi penting semasa membaca” ( $M=4.13$ ,  $SD=0.75$ ), item “Semasa membaca, saya akan menanda atau menggariskan isi penting” ( $M=4.13$ ,  $SD=0.90$ ), item “Saya menggunakan warna pen yang sama sahaja untuk mencatatkan nota” ( $M=4.09$ ,  $SD=0.84$ ), item “Saya menggariskan isi dan ayat nota penting” ( $M=4.02$ ,  $SD=0.80$ ), item “Saya mencari maklumat tambahan untuk melengkapkan nota” ( $M=3.98$ ,  $SD=0.78$ ), item “Saya menyalin nota daripada rakan sekelas” ( $M=3.98$ ,  $SD=0.76$ ), item “Saya sempat mencatat semua nota yang diberikan oleh pensyarah semasa kuliah” ( $M=3.95$ ,  $SD=0.70$ ), item “Saya menulis nota perkataan demi perkataan” ( $M=3.93$ ,  $SD=0.79$ ), item “Saya menggunakan singkatan perkataan semasa menulis nota” ( $M=3.87$ ,  $SD=0.88$ ), item “Saya menumpukan perhatian sepenuhnya semasa kuliah” ( $M=3.62$ ,  $SD=0.83$ ) dan item “Saya mencari maklumat tambahan untuk melengkapkan nota” ( $M=3.47$ ,  $SD=0.96$ ). Oleh itu, kesemua item dalam konstruk kemahiran menulis nota berada pada tahap tinggi kecuali bagi item “Saya menggunakan singkatan perkataan semasa menulis nota” dan item “Saya menumpukan perhatian sepenuhnya semasa kuliah” yang berada pada tahap sederhana. Justeru, dapat disimpulkan bahawa tahap kemahiran menulis nota secara keseluruhannya adalah tinggi dalam kajian ini.

Jadual 4: Statistik Deskriptif bagi Kemahiran Menulis Nota

Bil	Item	M	SD	Tahap
1	Saya menulis nota ringkas semasa membaca	4.18	0.88	Tinggi
2	Saya mempunyai buku nota untuk membuat catatan	3.87	0.88	Tinggi
3	Saya menulis nota perkataan demi perkataan	3.93	0.79	Tinggi
4	Saya menggunakan singkatan perkataan semasa menulis nota	3.47	0.96	Sederhana
5	Saya mencari maklumat tambahan untuk melengkapkan nota	3.98	0.78	Tinggi
6	Saya menumpukan perhatian sepenuhnya semasa kuliah	3.62	0.83	Sederhana
7	Saya menulis isi penting semasa membaca	4.13	0.75	Tinggi
8	Saya sempat mencatat semua nota yang diberikan oleh pensyarah semasa kuliah	3.95	0.70	Tinggi
9	Saya menggunakan warna pen yang sama sahaja untuk mencatatkan nota	4.09	0.84	Tinggi
10	Saya menggariskan isi dan ayat nota penting	4.02	0.80	Tinggi
11	Saya menyalin nota daripada rakan sekelas	3.98	0.76	Tinggi
12	Semasa membaca, saya akan menanda atau menggariskan isi penting	4.13	0.90	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		3.92	0.62	Tinggi

**Soalan 1(c): Apakah tahap kemahiran menguruskan masa bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui Document Based Lessons?**

Berdasarkan Jadual 5, tahap kemahiran menguruskan masa bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons* berada pada tahap tinggi ( $M=4.00$ ,

$SD=0.58$ ). Dari segi item dalam konstruk kemahiran menguruskan masa pula, min item “Saya merekodkan semua aktiviti yang dibuat di dalam diari” ( $M=4.22, SD=0.79$ ) adalah lebih tinggi berbanding dengan item “Saya mengelakkan penglibatan dalam aktiviti yang mengganggu jadual belajar harian saya” ( $M=4.20, SD=0.83$ ), item “Saya mengikuti jadual waktu belajar yang telah dibina” ( $M=4.15, SD=0.78$ ), item “Saya membahagikan masa belajar yang cukup untuk setiap mata pelajaran” ( $M=4.02, SD=0.91$ ), item “Saya merancang pengurusan masa belajar dengan baik pada awal semester lagi” ( $M=4.02, SD=0.80$ ), item “Saya mempunyai masa yang cukup untuk belajar” ( $M=3.98, SD=0.85$ ), item “Saya membahagikan masa untuk beriadah, menonton TV dan berbual-bual bersama dengan kawan” ( $M=3.95, SD=0.73$ ), item “Saya menghadiri kelas pada masa yang telah ditetapkan” ( $M=3.93, SD=0.88$ ), item “Saya menetapkan masa belajar sekurang-kurang 3 jam sehari” ( $M=3.78, SD=0.79$ ) dan item “Saya menyediakan jadual aktiviti dan belajar harian” ( $M=3.76, SD=0.84$ ). Oleh itu, kesemua item dalam konstruk kemahiran menguruskan masa berada pada tahap tinggi dalam kajian ini. Justeru, dapat disimpulkan bahawa bahawa tahap kemahiran menguruskan masa secara keseluruhannya adalah tinggi dalam kajian ini.

Jadual 5: Statistik Deskriptif bagi Kemahiran Menguruskan Masa

Bil	Item	M	SD	Tahap
1	Saya menyediakan jadual aktiviti dan belajar harian	3.76	0.84	Tinggi
2	Saya menetapkan masa belajar sekurang-kurang 3 jam sehari	3.78	0.79	Tinggi
3	Saya membahagikan masa untuk beriadah, menonton TV dan berbual-bual bersama dengan kawan	3.95	0.73	Tinggi
4	Saya mengikuti jadual waktu belajar yang telah dibina.	4.15	0.78	Tinggi
5	Saya merekodkan semua aktiviti yang dibuat di dalam diari	4.22	0.79	Tinggi
6	Saya merancang pengurusan masa belajar dengan baik pada awal semester lagi	4.02	0.80	Tinggi
7	Saya mempunyai masa yang cukup untuk belajar	3.98	0.85	Tinggi
8	Saya menghadiri kelas pada masa yang telah ditetapkan	3.93	0.88	Tinggi
9	Saya membahagikan masa belajar yang cukup untuk setiap mata pelajaran	4.02	0.91	Tinggi
10	Saya mengelakkan penglibatan dalam aktiviti yang mengganggu jadual belajar harian saya	4.20	0.83	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		4.00	0.58	Tinggi

**Soalan 1(d): Apakah tahap kemahiran mendengar bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui Document Based Lessons?**

Berdasarkan Jadual 6, tahap kemahiran mendengar bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons* adalah berada pada tahap tinggi ( $M=3.76, SD=0.84$ ). Oleh itu, tahap kemahiran mendengar adalah tinggi dalam kajian ini. Dari segi item dalam konstruk kemahiran mendengar pula, min item “Saya membuat catatan semasa mendengar kuliah” adalah lebih tinggi ( $M=4.20, SD=0.76$ ) berbanding dengan item “Saya mempunyai deria pendengaran yang baik” ( $M=4.07, SD=0.92$ ), item “Saya berusaha mengikuti kuliah dengan teliti” ( $M=4.04, SD=0.84$ ), item “Saya menghindarkan suara semasa mendengar kuliah” ( $M=3.87, SD=0.82$ ) dan item “Saya dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap isi kandungan kuliah” ( $M=3.67, SD=0.79$ ). Oleh itu, kesemua item dalam konstruk kemahiran mendengar berada pada

tahap tinggi dalam kajian ini. Justeru, dapat disimpulkan bahawa tahap kemahiran mendengar secara keseluruhannya adalah tinggi dalam kajian ini.

Jadual 6: Statistik Deskriptif bagi Kemahiran Mendengar

Bil	Item	M	SD	Tahap
1	Saya mempunyai deria pendengaran yang baik	4.07	0.92	Tinggi
2	Saya dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap isi kandungan kuliah	3.67	0.79	Tinggi
3	Saya berusaha mengikuti kuliah dengan teliti	4.04	0.84	Tinggi
4	Saya membuat catatan semasa mendengar kuliah	4.20	0.76	Tinggi
5	Saya menghindarkan suara semasa mendengar kuliah	3.87	0.82	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		3.97	0.66	Tinggi

**Soalan 1(e): Apakah tahap kemahiran membuat rujukan bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui Document Based Lessons?**

Berdasarkan Jadual 7, tahap kemahiran membuat rujukan bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons* adalah tinggi ( $M=3.97$ ,  $SD=0.66$ ). Draai segi item dalam konstruk kemahiran membuat rujukan pula, min item “Saya akan ke perpustakaan sekurang-kurangnya sekali seminggu untuk mendapatkan bahan rujukan yang diperlukan” ( $M=4.16$ ,  $SD=1.05$ ) adalah lebih tinggi berbanding dengan item “Saya mencari bahan rujukan tambahan untuk membuat tugas” ( $M=4.11$ ,  $SD=0.90$ ), item “Bahan rujukan yang saya gunakan ialah ensiklopedia, jurnal, majalah dan internet” ( $M=3.98$ ,  $SD=0.76$ ), item “Saya merujuk kepada rakan-rakan tentang perkara yang tidak difahami” ( $M=3.95$ ,  $SD=0.78$ ), item “Saya merujuk kepada kamus untuk mencari makna perkataan yang tidak difahami” ( $M=3.95$ ,  $SD=0.73$ ), item “Saya mencari bahan rujukan di perpustakaan” ( $M=3.93$ ,  $SD=0.77$ ), item “Saya merujuk kepada indeks terlebih dahulu sebelum membuat rujukan” ( $M=3.87$ ,  $SD=0.79$ ) dan item “Saya mahir menggunakan sistem di perpustakaan untuk mendapatkan bahan rujukan” ( $M=3.60$ ,  $SD=1.12$ ). Oleh itu, kesemua item dalam konstruk kemahiran membuat rujukan berada pada tahap tinggi kecuali bagi “Saya mahir menggunakan sistem di perpustakaan untuk mendapatkan bahan rujukan” yang berada pada tahap sederhana dalam kajian ini. Justeru, dapat disimpulkan bahawa tahap kemahiran membuat rujukan secara keseluruhannya adalah tinggi dalam kajian ini.

Jadual 7: Statistik Deskriptif bagi Kemahiran Membuat Rujukan

Bil	Item	M	SD	Tahap
1	Bahan rujukan yang saya gunakan ialah ensiklopedia, jurnal, majalah dan internet	3.98	0.76	Tinggi
2	Saya mencari bahan rujukan di perpustakaan	3.93	0.77	Tinggi
3	Saya merujuk kepada indeks terlebih dahulu sebelum membuat rujukan	3.87	0.79	Tinggi
4	Saya merujuk kepada rakan-rakan tentang perkara yang tidak difahami	3.95	0.78	Tinggi
5	Saya merujuk kepada kamus untuk mencari makna perkataan yang tidak difahami	3.95	0.73	Tinggi
6	Saya mencari bahan rujukan tambahan untuk membuat tugas	4.11	0.90	Tinggi



7	Saya akan ke perpustakaan sekurang-kurangnya sekali seminggu untuk mendapatkan bahan rujukan yang diperlukan	4.16	1.05	Tinggi
8	Saya mahir menggunakan sistem di perpustakaan untuk mendapatkan bahan rujukan	3.60	1.12	Sederhana
<b>Keseluruhan</b>		3.97	0.66	Tinggi

***Soalan 1(f): Apakah tahap kemahiran menghadapi peperiksaan bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui Document Based Lessons?***

Berdasarkan Jadual 8, tahap kemahiran menghadapi peperiksaan bagi murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons* berada pada tahap tinggi ( $M=3.60$ ,  $SD=1.12$ ). Dari segi item dalam konstruk kemahiran menghadapi peperiksaan pula, min item “Saya membaca nota sekurang-kurangnya tiga hari lebih awal sebelum ujian atau peperiksaan” adalah lebih tinggi ( $M=4.18$ ,  $SD=0.88$ ) berbanding dengan item “Saya menyediakan jadual ulang kaji semasa peperiksaan semakin menjelang tiba” ( $M=4.13$ ,  $SD=0.75$ ), item “Saya mengulang kaji sehingga larut malam semasa peperiksaan menjelang tiba” ( $M=4.09$ ,  $SD=0.84$ ), item “Saya akan membuat anggaran soalan yang akan ditanya dalam peperiksaan semasa mengulang kaji” ( $M=4.02$ ,  $SD=0.80$ ), item “Saya dapat menghabiskan bacaan semua nota sebelum menghadapi peperiksaan” ( $M=3.98$ ,  $SD=0.78$ ), item “Saya mengulang kaji topik yang susah dahulu” ( $M=3.95$ ,  $SD=0.70$ ), item “Saya membuat persediaan seminggu lebih awal sebelum tarikh peperiksaan” ( $M=3.93$ ,  $SD=0.79$ ), item “Saya berasa tenang apabila masuk ke dalam dewan atau bilik peperiksaan” ( $M=3.87$ ,  $SD=0.88$ ), item “Saya dapat berfikir dengan baik semasa menjawab soalan ujian” ( $M=3.62$ ,  $SD=0.83$ ) dan item “Saya berasa tenang semasa menghadapi peperiksaan” ( $M=3.47$ ,  $SD=0.96$ ). Oleh itu, kesemua item dalam konstruk kemahiran menghadapi peperiksaan berada pada tinggi kecuali bagi item “Saya dapat berfikir dengan baik semasa menjawab soalan ujian” yang berada pada tahap sederhana dalam kajian ini. Justeru, dapat disimpulkan bahawa tahap kemahiran menghadapi peperiksaan secara keseluruhannya adalah tinggi dalam kajian ini.

Jadual 8: Statistik Deskriptif bagi Kemahiran Menghadapi Peperiksaan

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>M</b>	<b>SD</b>	<b>Tahap</b>
1	Saya membaca nota sekurang-kurangnya tiga hari lebih awal sebelum ujian atau peperiksaan	4.18	0.88	Tinggi
2	Saya berasa tenang apabila masuk ke dalam dewan atau bilik peperiksaan	3.87	0.88	Tinggi
3	Saya membuat persediaan seminggu lebih awal sebelum tarikh peperiksaan	3.93	0.79	Tinggi
4	Saya berasa tenang semasa menghadapi peperiksaan	3.47	0.96	Tinggi
5	Saya dapat menghabiskan bacaan semua nota sebelum menghadapi peperiksaan	3.98	0.78	Tinggi
6	Saya dapat berfikir dengan baik semasa menjawab soalan ujian	3.62	0.83	Sederhana
7	Saya menyediakan jadual ulang kaji semasa peperiksaan semakin menjelang tiba	4.13	0.75	Tinggi
8	Saya mengulang kaji topik yang susah dahulu	3.95	0.70	Tinggi
9	Saya mengulang kaji sehingga larut malam semasa peperiksaan menjelang tiba	4.09	0.84	Tinggi
10	Saya akan membuat anggaran soalan yang akan ditanya dalam peperiksaan semasa mengulang kaji	4.02	0.80	Tinggi

## PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa tahap kemahiran belajar adalah tinggi secara keseluruhannya dalam kalangan murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons*, di samping keenam-enam kemahiran belajar seperti kemahiran membaca, kemahiran menulis nota, kemahiran menguruskan masa, kemahiran mendengar, kemahiran membuat rujukan dan kemahiran menghadapi peperiksaan juga dilaporkan berada pada tahap tinggi dalam kajian ini. Justeru, dapatan kajian ini adalah sealiran dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Rufaizal Che Mamat dan Azuin Ramli, (2017) yang telah melaporkan bahawa peserta program khemah kerja geoteknik dapat meningkatkan kemahiran belajar dan inovasi yang baik dan berkesan selaras dengan kepentingan pembentukan kemahiran abad ke-21 yang telah menyarankan kepada guru-guru untuk sentiasa mencari kaedah pengajaran dan pembelajaran yang terbaik bagi menyediakan murid-murid yang dapat merealisasikan aspirasi negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini yang menunjukkan tahap kemahiran belajar yang tinggi dalam kalangan murid adalah bertentangan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Salmiza Saleh dan Afik Aziz, (2012) yang telah melaporkan bahawa tahap kemahiran belajar dalam kalangan murid aliran sains di sekolah-sekolah menengah di Malaysia berada pada tahap sederhana dan kajian dan Nurahimah Mohd Yusoff, (2012) yang mendapati tahap kemahiran belajar dalam kalangan murid-murid dalam jurusan pendidikan di Universiti Utara Malaysia berada pada tahap sederhana. Hal ini kerana kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dirancang dan dilaksanakan secara teratur dan sistematik adalah berupaya untuk meningkatkan pemupukan kemahiran belajar yang berkesan yang didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik seperti dibuktikan dalam kajian Mohd Najib Abdul Aziz dan Nor Shafrin Ahmad, (2008) dan kajian Nurahimah Mohd Yusoff et al, (2012).

Tambahan pula, kemahiran belajar yang tinggi yang dapat dipupuk melalui pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons* dalam kajian ini merupakan suatu matlamat pembelajaran yang disarankan dalam kurikulum sejarah yang mempunyai kerangkanya pembelajaran yang tersendiri bagi meningkatkan pemahaman dan minat dalam kalangan murid. Hal ini kerana murid-murid yang mempunyai kemahiran-kemahiran belajar yang baik adalah berkebolehan untuk mentafsir dan menganalisis suatu peristiwa sejarah dengan baik. Pendapat ini adalah konsisten dengan dapatan kajian Cuceanu, (2014) dan Alves, (2014) yang menjelaskan bahawa proses pembelajaran sejarah melalui pengkajian sumber secara digital mahupun secara tanpa digital dapat meningkatkan kemahiran belajar dalam kalangan murid yang telah menyokong dapatan kajian ini secara langsung. Oleh itu, penjaanaan kemahiran belajar adalah tinggi dalam kalangan murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons* dalam kajian ini.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, tahap kemahiran belajar bagi murid-murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui *Document Based Lessons* berada pada tahap tinggi. Implikasi kajian ini telah mencadangkan keperluan kepada guru-guru untuk mendedahkan konsep kemahiran-kemahiran belajar lebih awal bagi membentuk modal insan yang berkualiti, di samping untuk membentuk persekitaran pembelajaran bermakna yang membolehkan murid-murid dapat meningkatkan dan menguasai kemahiran belajar yang baik agar kesemua kemahiran belajar yang perlu mereka kuasai dapat digunakan sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

## RUJUKAN

- Alves, D. (2014). Introduction: Digital methods and tools for historical research. *International Journal of Humanities and Arts computing*, 8(1), 1-12.
- Ayva, O. (2012). Developing student's ability to read, understand and analyze scientific data through the use of worksheets that focus on studying historical documents. *Procedia Social and Behavioral Science*, 46, 5128-5132.
- Baharin Abu, Othman Md Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor & Haliza Jaafar. (2007). *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran dan kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan, UTM Johor*. Kajian Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Claravall, E.B. (2017). Thinking like a Historian: Developing Disciplinary Literacy in history among middle school struggling readers. *Literacy Today, July/August, 2017*, 32-33
- Creswell, J. W. (2014). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4<sup>th</sup> Ed). New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Cuceanu, M.T. (2014). Learning by researching historical documents and relics. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 180, 286-292.
- Dutt-Doner, K.M. (2015). Increasing pre-service teacher's capacity to utilize and implement primary source instruction in the elementary classroom. *National Teacher Education Journal*, 8(1), 13-24.
- Fehn, B., & Koeppan, K.E. (1998). Intensive Document Based Instruction in a social studies methods course and student teacher's attitudes and practice in subsequent field experiences. *Theory & Research in Social Education*, 26(4), 461-484.
- Gewertz, C. (2012). History lesson blend content knowledge. Literacy Educational Week, December. Retrieved from: [www.edweek.org](http://www.edweek.org)
- Hazri Jamil. (2003). *Teknik mengajar Sejarah*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian*. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khalid Mohamad Noor. (2005). *Belajar Teknik Belajar*. Bentong: PTS Publication Sdn Bhd.

- Mohd Najib Abdul Aziz & Nor Shafrin Ahmad. (2008). Kemahiran Belajar dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik: Kajian di daerah Kerian, Perak. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 23, 29-47.
- Mohd Yunus Noor. (1990). *Psikologi belajar dan teknik belajar yang berkesan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Nokes, J.D. (2014). Elementary students' Roles and Epistemic Stances during Document Based History Lessons. *Theory & Research in Social Education*, 42, 375-413.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometrie Theory* (2<sup>nd</sup> Ed). New York: McGraw Hill.
- Nurahimah Mohd Yusoff, Rafisah Osman, Abdull Shukor Shaari, & Mohd Izam Ghazali. (2012). *Kemahiran belajar dalam kalangan pelajar bidang pendidikan*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA, The Zon Regency by the Sea, Johor Bharu, 7-9 Oktober 2012.
- Patterson, N.C., Lucas, A.G., & Kithinji, M. (2012). Higher Order Thinking in Social Studies: An analysis of Primary Source Document Use. *Social studies Research and Practice*, 7(2), 68-85
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Satu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Reisman, A. (2012). Reading like a historian: A document based history of curriculum intervention in urban high schools. *Cognition & Instruction*, 30(1), 86-112.
- Rufaizal Che Mamat & Azuin Ramli. (2017). Kemahiran Belajar dan Inovasi dalam Pembelajaran Abad ke-21 Melalui Khemah Kerja Geoteknik. *Advanced Journal of Technical and Vocational Education*, 1(1), 384-387.
- Salmiza Saleh & Afik Aziz. (2012). *Kemahiran Belajar dalam Kalangan Pelajar Aliran Sains di Sekolah-sekolah Menengah di Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan di eminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012, 7-9 Oktober 2012, The Zon Regency by the Sea, Johor Bharu.
- Wineburg, S., Martin, D., Monte-Sano, C. (2011). *Reading like a Historian: teaching Literacy in Middle and High School History Classrooms*. New York: Teacher College, Columbia University.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **M. KAVIZA**

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden,  
Universiti Utara Malaysia.  
[kavizakaviza@yahoo.com](mailto:kavizakaviza@yahoo.com)